



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

POLITEKNIK
MALAYSIA
KUCHING SARAWAK

LAPORAN TAHUNAN



POLITEKNIK KUCHING SARAWAK

2019

Memperkasakan Politeknik Kuching Sarawak
Melalui Kolaborasi



LAPORAN TAHUNAN POLITEKNIK KUCHING SARAWAK 2019

Untuk maklumat lanjut, sila imbas



politeknik.kuching.sarawak



politeknikkuchingsarawak



PoliteknikKuch1

**POLITEKNIK KUCHING SARAWAK
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
KM22, JALAN MATANG,
93050 KUCHING, SARAWAK.**

No. Telefon : (082) 845596/7/8
No. Faksimili : (082) 845023
E-mel : poliku.info@poliku.edu.my
Laman Sesawang : <http://www.poliku.edu.my/>

Hak Cipta © 2019 Politeknik Kuching Sarawak

ISBN 978-967-0797-88-5

Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian di dalam buku ini tidak dibenarkan untuk disalin, disimpan dalam sebarang bentuk dengan apa cara, elektronik, mekanikal, fotokopi dan rakaman atau sebaliknya atau apa cara yang memungkinkan untuk diterbitkan semula tanpa izin daripada Politeknik Kuching Sarawak.

Diterbitkan oleh:
Politeknik Kuching Sarawak
Kementerian Pendidikan Malaysia

Dicetak oleh:
Tabuan Digital Print & Photocopy
T20-L4, Onejaya Mall, Jalan Song,
93350 Kuching, Sarawak,
Malaysia.

ISI KANDUNGAN

TAJUK

- Visi, Misi & Matlamat
- Sepintas Lalu PKS
- Perutusan Pengarah
- Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif dan Penasihat Industri PKS
- Carta Organisasi PKS
- Jawatankuasa Penasihat Industri dan FELO
- Carta Organisasi MPP 2019
- Memperkasakan PKS Melalui Tanggungjawab Sosial Korporat
- Pencapaian PKS 2019
- Pemerkasaan Pengurusan
- Pemerkasaan Pelajar Melalui Kurikulum bersama Industri
- Sorotan Khas
- Konvokesyen 2019
- Statistik (Kemasukan & Bergraduat)
- Sisipan (Lawatan & Keratan Akhbar Liputan Media)
- Persiapan Perjalanan Akreditasi Antarabangsa APACC
- Sidang Redaksi

MUKA SURAT

- 5
- 6
- 7
- 8
- 9
- 10
- 11
- 12 - 16
- 17 - 20
- 21 - 26
- 28 - 44
- 45
- 46 - 47
- 48 - 50
- 51 - 54
- 55 - 56
- 57

VISI

Menjadi Peneraju Institusi TVET yang Unggul.

MISI

Menyediakan akses yang lebih meluas kepada program TVET yang berkualiti dan diiktiraf bagi menghasilkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang serta memperkasa komuniti melalui pembelajaran sepanjang hayat dengan memanfaatkan sepenuhnya perkongsian pintar dengan pihak berkepentingan.

MATLAMAT

Melahirkan graduan yang diterima pasaran.

SEPINTAS LALU

PKS ditubuhkan
pada tahun

1988.

Politeknik kelima di Malaysia,
& pertama di Borneo.

Keluasan **112** ekar.

PKS **13** program
menawarkan peringkat Diploma & **82** program Pra-Diploma.

4 Badan profesional yang diperakui // **42** agensi luar & wakil industri.
Berkolaborasi dengan

6658 Syarikat yang terlibat dengan latihan industri. **27497** bilangan ALUMNI yang berdaftar.

Dipertingkatkan lagi dengan penubuhan Jawatankuasa Pemerksaan Latihan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) pada tahun 2018.

Politeknik Kuching Sarawak sendiri telah menyumbang beberapa **projek** yang melibatkan industri melalui **Public-Private Research Network (PPRN)** dan **Skim Geran Penyelidikan Gunaan (T-ARGS)**.

Menyediakan keperluan **sumber tenaga kerja terlatih** bagi memenuhi aspirasi negara ke arah perindustrian dan seterusnya **meningkatkan daya saing** dalam **pasaran global**.

PERUTUSAN PENGARAH

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmatNya, Laporan Politeknik Kuching Sarawak dapat diterbitkan dengan tema ‘Memperkasakan Politeknik Kuching Sarawak Melalui Kolaborasi’. Laporan ini juga bertujuan melaporkan aktiviti-aktiviti, peristiwa dan pencapaian Politeknik Kuching Sarawak sepanjang tahun 2019.

Selaras dengan visi, misi, matlamat dan arah tuju PKS menjadi peneraju institusi TVET yang unggul, PKS bertanggungjawab menyediakan akses program TVET yang berkualiti dan diiktiraf bagi menghasilkan graduan yang seimbang, holistik, berkualiti dan berdaya keusahawanan melalui program pengajian yang dinamik dan mampan. Hal ini bagi memastikan graduan dapat menempatkan diri sesuai dengan kehendak pasaran kerja semasa.

Justeru itu, PKS menjalinkan kolaborasi bersama pihak pemain industri, agensi kerajaan dan institusi pemberi pendidikan TVET bagi memastikan institusi ini boleh mencapai seruan dan matlamat negara selaras keperluan Revolusi Industri 4.0. Program kolaborasi ini dapat merapatkan jurang pengetahuan serta teknologi di antara institusi dan dunia industri sebenar khususnya kepada pelajar dan pensyarah.

Saya selaku pengarah amat berbesar hati atas kejayaan seluruh warga PKS yang telah menunjukkan komitmen tinggi dan tanggungjawab melaksanakan tugas sepanjang tahun 2019. Saya berharap agar usaha yang lebih gigih dan komitmen dalam mengalas cabaran bagi mencapai hala tuju baharu pendidikan TVET dan pembelajaran sepanjang hayat diteruskan pada tahun 2020.

Saya berharap agar usaha gigih ini diteruskan dalam mengalas cabaran mencapai hala tuju pendidikan TVET pada tahun 2020.

Terima kasih kepada semua warga kerja khususnya sidang redaksi yang bersungguh-sungguh untuk menyiapkan Laporan Tahunan PKS 2019 dengan jayanya.

Ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pemain industri yang turut serta dalam menyokong pelaksanaan program pengajian sepanjang tahun 2019 dan diharap ianya berpanjangan pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

PUAN JAMALIAH BINTI AHMAD

Pengarah Politeknik Kuching Sarawak.



PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF & PENASIHAT INDUSTRI

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya serta berkat kerjasama semua warga Politeknik Kuching Sarawak (PKS) atas kesungguhan melaksanakan agenda 2019 sebagaimana dimanifestasikan dalam Laporan Tahunan Politeknik Kuching Sarawak bagi tahun 2019.

Tahun 2019 menyaksikan PKS mengorak langkah ke hadapan dengan beberapa penambahbaikan sejarah dengan kehendak dunia moden yang serba pantas dan sarat dengan pelbagai isu global terutamanya kelembapan ekonomi serantau. Namun begitu, PKS tidak leka dengan pencapaian semasa dan terus mengorak langkah melalui memperkasakan PKS melalui kolaborasi bersama industri bagi meningkatkan kompetensi dan kebolehpasaran graduan ke tahap yang lebih tinggi. Kerjasama yang terjalin ini pasti akan membentuk sinergi yang bakal melonjakkan graduan yang lebih produktif dan berimpak lestari.

Sehubungan itu, warga PKS perlu sentiasa memastikan pembangunan modal insan yang dilahirkan memiliki kompetensi dan nilai diri yang lebih progresif agar terus relevan untuk bersaing dalam persekitaran kerja yang mencabar, pantas secara sistematis dan inovatif dalam membuat keputusan dan pelaksanaan.

Akhir kata, saya berharap agar PKS akan terus merancang dan melaksanakan program pembangunan modal insan yang komprehensif, dinamik dan responsif kepada kehendak pemegang kepentingan dan sejarah dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0). Perubahan yang dicorak pada hari ini akan menentukan kejayaan pada masa hadapan.

Salam hormat.


DATO' DR. IR. TS. HJ. MOHD. ABDUL KARIM BIN ABDULLAH

Pengarah Urusan / Ketua Pegawai Eksekutif, Serba Dinamik Holdings Berhad
merangkap CEO Faculty @ POlyCC dan Pengerusi Jawatankuasa Penasihat
Politeknik, PKS tahun 2019-2020.



CARTA ORGANISASI PKS

JAWATANKUASA PENGURUSAN POLITEKNIK KUCHING SARAWAK



JAWATANKUASA PENASIHAT INDUSTRI (IAC) & FELO INDUSTRI PKS 2019-2020



Barisan Hadapan, Kiri:

Pn. Jamaliah Binti Ahmad (Pengarah PKS), Ts. Zainah Rujihan (Pengarah BKIK, JPPKK), Dato' Dr. Ir. Mohd Abd. Karim Abdullah (CEO Faculty @ POlyCC, Pengurus I AC), Sr. Tn. Hj. Masri Bin Juni @ Mohamad Juni, En. Wan Idris Bin Wan Ibrahim.

Barisan Belakang, Kiri:

En. Samsudin Bin Mohd Saleh (Ketua CISEC, PKS), Wakil Ir. Sim Hui Kheng, Wakil YBhg. Dato' Seri Dr. Bernard H.K. Tan Abdullah, Dr. Hajah Asmah Binti Othman, En. Khairul Hakim Bin Mohd Rasid, En. Andrew Anak Ronggie, En. Tony Tee Boon Chai.

Turut menganggotai IAC : Mr. Joseph Lim Jit Sek



Barisan Felo Industri PKS bagi Tahun 2019-2020 bersama Pn. Jamaliah Binti Ahmad, Pengarah PKS (barisan hadapan, kiri) dan Ts. Zainah Rujihan, Pengarah BKIK, JPPKK (barisan hadapan, 3 dari kiri).

SENARAI FELO INDUSTRI POLITEKNIK KUCHING SARAWAK

Sr. Hj. Masri Bin Juni Saland Survey Services	En. Sani Zamshuri Bin Bujang Lebuhraya Borneo Utara Sdn. Bhd.	En. Abdul Rahman Bin Ahmad Akademi Binaan Malaysia Wilayah Sarawak	Pn. Dyg Zainab Bt. Abg Ibrahim MME Consultant
Prof. Madya Dr. Siti Halipah Binti Ibrahim Department of Architecture, Faculty of Built Environment, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)	En. Joseph Lim Jit Sek Kolej Sunway Kuching	En. Nazri Bin Kawi Sarawak Economic Development Corporation	
En. Nigel Sim Boon Wei SPACE @ City Square	En. Dayang Hjh. Sofia Bt. Abang Hj Bohan Kolej SIDMA Sarawak	En. Andrew Anak Ronggie Brooke Dockyard & Engineering Works Corporation	En. Fairul Bin Ismail Ascon Malaysia Sales & Service Sdn. Bhd.
En. Joseph Phang Carrier (Malaysia) Sdn. Bhd.	En. Hillary Anak Nelson & Mohd Safiq Bin Mohd Sahari X-FAB Sarawak Sdn. Bhd	En. Mohd Nazif Bin Rajali Jin San Engineering Sdn. Bhd.	Dr. Ir. Prashobh Karunakaran Karuna Technologies / Pusat Latihan Elektrik Dunia Sdn. Bhd.
En. Faizal Amami Bin Mohd Sukemi Konsortium URW Sdn. Bhd.	En. Johady Bin Hashim Epsilon Jurutera Perunding (S) Sdn. Bhd.	En. Saiful Firdaus Bin Sulaiman SPL Industries Sdn. Bhd.	En. Liu Kit Lim Lim Aik Chai Electrical Sdn. Bhd.
Pn. Adriana Ang Sok Khun Network Management & Operations Sarawak, IT & Network Technology, Telekom Malaysia Berhad	En. Mohd Marzwan Abd Rahman N-MO Sdn. Bhd.	Dr. Ir. Kismet Hong Ping Department Electrical and Electronic Engineering, Faculty of Engineering, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)	
En. Wan Zulkarim Bin Wan Nadzri Lotte Chemical Ttan (M) Sdn. Bhd.	En. Hisham Bin Mohmurad Amin CMS Cement Industries Sdn. Bhd.	En. Wan Idris Bin Wan Ibrahim Idris Ibrahim & Co.	En. Khairid Bin Ab. Karim Syarikat Assar Refinery Services Sdn. Bhd.

CARTA ORGANISASI MPP 2019

POLITEKNIK MALAYSIA KUCHING SARAWAK

MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR POLITEKNIK KUCHING SARAWAK SESI 2018/2019

POLITEKNIK KUCHING SARAWAK

HUBUNGI KAMI MENERUSI:

- f** Majlis Perwakilan Pelajar Politeknik LKuching Sarawak <https://mpppks.wixsite.com/mpppks>
- X** mpppks@gmail.com
- i** mpp_pks

UNITY TOWARDS GREATER PKS

MAJLIS TERTINGGI

1.YANG DIPERTUA MUHAMMAD SHAFIQ BIN MOHD SHAFIE JABATAN KEJURUTERAAN PATROKIMIA 017-7467055	5.TIMBALAN SETIA USAHA RON GILBERT JABATAN KEJURUTERAAN AWAM 011-12022092
2.YANG DIPERTUA 1 SEKTOR STRATEGIK HARRISON ANAK THOMAS JABATAN KEJURUTERAAN MAKANIKAL 015-8328017	6.BENDAHARI KEHORMAT MUHAMMAD HUDAFAIFAH BIN MOHD KAMIL JABATAN PERDAGANGAN 018-2952489
3.YANG DIPERTUA 2 SEKTOR(OPERASI) SORIE GEORGE JABATAN KEJURUTERAAN AWAM 019-4830128	7.EXCO KOLABORASI FREDERICK TING TOH NHIN JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK 011-35305650
4.SETIAUSAH AGUNG SALAHUDIN BIN SAHPERI@SABERI JABATAN PERDAGANGAN 017-8089267	8.EXCO KEBAJIKAN DAN SOSIAL SITI MASHITAH YONG BINTI MOHD NASIR YONG JABATAN KEJURUTERAAN AWAM 011-31984811
	9.EXCO KOMUNIKASI DAN KORPORAT NUR NAJA SYAMINI BINTI YUSOP JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK 011-25113634
	10.EXCO KELAB & PERSATUAN LUCINDA CHERINA ANAK JOHANNES JABATAN PERDAGANGAN 018-8784038

SEKTOR STRATEGIK

11.EXCO AKADEMIK DAN LATIHAN NAZRULLAH BIN AZMAN JABATAN KEJURUTERAAN AWAM 016-3403442	12.EXCO MULTIMEDIA & PENERBITAN MUHAMMAD AMIRUL ZIKRI JAPERI JABATAN PERDAGANGAN 012-8788748
13.EXCO JABATAN ALISTER SICNG JABATAN KEJURUTERAAN AWAM 016-8966740	14.EXCO INTEGRASI NASIONAL MUHAMMAD HAYQQL BIN JEFFRY JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT 011-25288516
15.EXCO PEMBANGUNAN WANITA NURUL EFINA BINTI ROSMAN JABATAN PERDAGANGAN 014-8574331	16.EXCO KEBUDAYAAN & WARISAN ARTHUR WILLIAM VELU JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL 010-9427173
17.EXCO KEDAMAN PELAJAR STEWARD LAURE ANAK RONIS JABATAN PERDAGANGAN 011-12611083	18.EXCO KERCHANIAN & MORAL MUHAMMAD SYAWAL BIN HANIFAH JABATAN KEJURUTERAAN PATROKIMIA 012-8834501
19.EXCO KEBAJIKAN PELAJAR OKU ELVES WELMOND JAMIN JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT 014-3504061	20.EXCO SUKAN DAN REKREASI MOHAMMAD KHAIRUL ANNAR BIN ABDUL AZIZ JABATAN KEJURUTERAAN AWAM 010-9480798
21.EXCO KESUKARELAANAN RONAN NG WEI ZHI JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL 019-8458997	22.EXCO KEUSAHAWANAN & KERJAYA MUHAMAD FARIS ISKANDAR BIN MOHD ISA JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL 017-3514016

SEKTOR OPERASI

23.EXCO KERCHANIAN & MORAL MUHAMMAD SYAWAL BIN HANIFAH JABATAN KEJURUTERAAN PATROKIMIA 012-8834501	24.EXCO KEBAJIKAN PELAJAR OKU ELVES WELMOND JAMIN JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT 014-3504061
25.EXCO SUKAN DAN REKREASI MOHAMMAD KHAIRUL ANNAR BIN ABDUL AZIZ JABATAN KEJURUTERAAN AWAM 010-9480798	26.EXCO KESUKARELAANAN RONAN NG WEI ZHI JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL 019-8458997

50TH ANNIVERSARY

MEMPERKASAKAN PKS MELALUI TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

Lonjakan Pertama Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PT) 2015-2025 adalah untuk melahirkan graduan seimbang, holistik, dan berkeusahawanan. YES! (Yayasan Sukarelawan Politeknik Malaysia) telah ditubuhkan sebagai satu platform untuk pelajar-pelajar politeknik menyumbang khidmat bakti dalam bentuk kemahiran TVET kepada komuniti.

Program ini bertujuan untuk membangunkan pemimpin sukarelawan siswa dan modal insan yang berciri warga global. Justeru dalam mendokong cita-cita tersebut, sepanjang tahun 2019 PKS telah mengadakan 20 program *Corporate Social Responsibility* (CSR) yang disertai oleh 1200 pelajar dan 300 warga kerja PKS dalam bentuk teknikal dan bukan teknikal termasuk kemanusiaan. Program ini bertujuan memberi sumbangan dalam bentuk perkongsian bidang teknikal dan amalan baik di samping memupuk pelajar lebih prihatin terhadap masyarakat sekitar. Melalui program ini, keterlihatan PKS akan lebih dirasai oleh masyarakat khususnya di negeri Sarawak.

Antara program yang dilaksanakan ialah Penyelenggaraan dan baik pulih Pendawaian Elektrik di Kampung Stuum Muda dan Kampung Stungkor Baru dengan kerjasama Proaktif Electrical Sdn. Bhd, bersama pelajar dan pensyarah dari program Diploma Kejuruteraan Elektrik. Program-program lain adalah seperti menambah baik kemudahan asas Taska Kemas, Politeknik Kuching Sarawak. Kemudahan ini disediakan untuk anak-anak warga kerja PKS. Ia disertai oleh pelajar-pelajar Diploma Kejuruteraan Mekanikal. Tidak ketinggalan juga pertubuhan persatuan kakitangan seperti PUSPANITA dan BAKSRI yang menyertai program CSR seperti Program "Sekampit Beras Sekilo Gula".

Penyelenggaraan Dan Baik pulih Pendawaian Elektrik (29 April - 3 Mei 2019) di Kampung Stuum Muda serta Kampung Stungkor Baru dengan kerjasama Proaktif Electrical Sdn. Bhd.



Kerja baik pulih telah dilaksanakan oleh pelajar dan penyerahan kepada tuan rumah pada 3 Mei 2019 yang melibatkan 16 buah rumah penduduk. Di samping itu seramai 21 penduduk kampung menyertai kursus keselamatan dan asas pendawaian elektrik yang telah diberikan oleh pensyarah PKS.

Kepimpinan Dan Komunikasi Melalui Pembelajaran Sepanjang Hayat



Kursus Pengurusan Dalam Islam (DUA2022) terdiri daripada 46 orang pelajar Semester dua dan diselia oleh 2 orang pensyarah iaitu Ustazah Sharifah Khuzaimah dan Ustazah Natrah.

Kursus ini juga disertai 12 orang guru dan 14 orang pelajar pendidikan khas dari SMK DPHA Gapor.

Program Politeknik Kasih Komuniti Pulau Salak



Aktiviti sukarelawan kerohanian dan mempromosikan PKS sebagai sebuah institusi TVET telah diadakan pada 21 September 2019 dan disertai oleh 33 orang pelajar berserta 10 orang staf telah menjadi fasilitator dalam aktiviti berkumpulan di Sekolah Kebangsaan Pulau Salak dan di Masjid Kg.Pulau Salak.

Program "Your Smile Is Our Happiness"



Seramai 39 pelajar Semester Satu Jabatan Perdagangan, Diploma Pengajian Perniagaan telah menyertai program "Your Smile Is Our Happiness" di PERKATA School di Kuching pada 11 Oktober 2019. Dalam program ini pelajar-pelajar telah melaksanakan aktiviti permainan dan memberi sumbangan kepada pelajar golongan istimewa.

Program Derma Darah



PKS telah melaksanakan 2 program menderma darah pada 4 April 2019 melalui Program Pemeriksaan Kesihatan Dan Derma Darah serta Program Jom Sihat pada 26 September 2019.

Objektif program ini adalah membuat pemeriksaan kesihatan dan meningkat kesedaran kesihatan dalam kalangan warga PKS. Sebanyak 157 beg darah telah dapat dikumpulkan.



Program Jalinan Kasih Bersama Anak-Anak Yatim Rumah Amal Nur Murni



Program amal anjuran Jabatan Matematik, Sains & Komputer yang telah diadakan di Sekolah Rendah Islam Nur Murni, Kuching. Dalam program ini, sumbangan berbentuk bahan bacaan dan peralatan telah disampaikan untuk kejunaan pelajar.

Misi Sukarelawan Siswa YSS-Asean Ke Sarawak Dan Sabah 2019

Pelajar PKS Hee Chuen Haw, Thian Yih dan Ting Kim Ching terlibat sama dalam Misi Kesukarelawanan di SK Rumah Mentali, Bekenu, Miri.



Program Tanggungjawab Sosial (CSR) PKS bersama komuniti bertempat di Dewan Pendidikan Sosial, Kampung Matang Batu 10, Kuching pada 18 Mei 2019

Program ini disertai oleh 30 orang pensyarah PKS dan disempurnakan oleh YB.Dr.Zaiedi Bin Haji Suhaili. Program ini terdiri daripada dua aktiviti iaitu pengagihan bubur lambuk kepada komuniti setempat agihan beras dan keperluan dapur. Seramai 60 orang yang dikenalpasti telah menerima sumbangan tersebut. Sumbangan adalah dari BERNAS, warga PKS dan orang perseorangan.



Penyediaan bahan bubur lambuk oleh pensyarah dan penduduk kampung.

Memasak bubur lambuk oleh pensyarah lelaki dan mengisi bubur ke dalam manguk untuk diagih.



Pengagihan beras dan keperluan dapur kepada orang kampung oleh YB.Dr. Zaiedi Bin Hj. Suhaili.

Mengerat Silaturrahim melalui Kursus Memasak Bubur lambuk Dan Bubur Chacha pada 14hb. Mei 2019 di Masjid Al-Muhandisin, PKS

Seramai 50 orang pensyarah terlibat dalam program ini. Tenaga pengajar adalah En.Chow Tio Kiong dan En.Abdul Rashid Bin Hassan. Objektif kursus ini adalah memperkasakan kerja berpasukan semua peringkat dan mempelajari pelbagai kaedah penyediaan Bubur Chacha dan Bubur Lambuk. Bubur Lambuk dan Bubur Chacha diagihkan kepada staf sebagai juadah berbuka puasa.



Penyediaan Bubur Lambuk.

Kursus Bubur Chacha.

Majlis Khatam Al-Quran PKS, Program Sambutan Ihya' Ramadhan PKS 1440H pada 9 Mei 2019



Majlis Khatam Al-Quran dan Agihan sumbangan kepada pelajar Tahfiz dan Warga PKS.

BAKSRI bersama komuniti



Program Khidmat bantu (Infaq Baik Pulih Rumah) Kolaboratif Badan Kebajikan Staf PKS bersama Badan Sukarelawan di Semerah Padi pada 15–19 April 2019.

PENCAPAIAN PKS 2019

Dalam usaha merealisasikan visi, misi dan sasaran PKS, perkembangan bakat dalam kalangan pensyarah diberi penekanan sebagai keperluan meningkatkan prestasi PKS. Pihak pengurusan PKS telah memberi dorongan kepada warga PKS untuk menyertai pelbagai program dan aktiviti di peringkat kebangsaan mahu pun antarabangsa. Dorongan ini telah membawa hasil yang baik apabila setiap penyertaan meraih kemenangan.

Pengajaran & Pembelajaran Ke-5 (K-NOVASI) UKM pada 23-24 Januari 2019



Malaysia Technology Expo 2019 (MTE 2019) Kuala Lumpur, The 18th International Expo On Inventions And Innovation pada 21-22 Februari 2019



PKS meraih 1 Anugerah Emas dan 1 Anugerah Merit.



Dalam pertandingan ini, pensyarah PKS telah meraih 1 Emas dan 2 gangsa.

Borneo Innovation Festival (BIF'19) berlangsung di Politeknik Mukah, 9-10 Mac 2019



PKS berjaya membawa pulang 8 Emas, 4 Perak dan 7 Gangsa.

Pameran Inovasi Teknologi Sarawak (SAINTEX) pada 25-28 Julai 2019 di University College Of Technology Sarawak, Sibu, Sarawak



Pelajar Diploma Kejuruteraan Proses (Petrokimia) memenangi tempat kedua di pameran tersebut.

Festival Kesenian Islam 2019 anjuran UPM Kampus di Bintulu



PKS berjaya mendapat Naib Johan bagi kategori Nasyid dan tempat ketiga Tilawah perempuan serta saguhati bagi tilawah lelaki.

Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) pada 14-16 Julai 2019 di Hotel Pullman Kuching pertandingan cabaran Inklusif 2019



Pelajar Diploma Kejuruteraan Proses (Petrokimia) telah memenangi Pingat Gangsa.

Festival Quran Politeknik Malaysia 2019 yang telah diadakan Politeknik Mersing pada 8 Ogos 2019



PKS berjaya mendapat Naib Johan bagi kategori Tilawah Perempuan dan Tilawah Lelaki.

World Skills Malaysia, Sarawak 2019 (Mechanical Engineering CAD) Kuching, 11 September 2019



Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, PKS telah menyertai pertandingan World Skills Malaysia yang telah diadakan di Borneo Convention Centre Kuching (BCCK) Sarawak bagi bidang Mechanical Engineering Computer Aided Design (CAD).

Kenyalang Mapping Technologies (KMTECH 2019) : GROUND SEARCH & RESCUE INNOVATION pada 19 September 2019

Pertandingan Inovasi di Peringkat Kebangsaan dalam bidang Geomatik, PKS turut melibatkan kerjasama Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia Negeri Sarawak, Land Surveyors Board Sarawak (LSBS), HERE Malaysia, The Association Of Consulting Licensed Land Surveyors Sarawak (ACLS) dan Royal Institution of Surveyors Malaysia Sarawak Branch (RISM).

Program KMTECH 2019 telah berjaya mendapatkan 25 penyertaan daripada Seluruh Negara termasuk UTM, Politeknik Ungku Omar, Politeknik Sultanah Bahiyah, Politeknik Merlimau, Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, Politeknik Mukah, Politeknik Kota Kinabalu dan Politeknik Metro Betong.



Build & Break Competition 2019 peringkat kebangsaan yang telah berlangsung pada 18-19 September 2019 di Politeknik Ungku Omar, Ipoh Perak



Dua kumpulan mewakili Jabatan Kejuruteraan Awam PKS seramai 8 orang pelajar diiringi dua penyelia iaitu Pn. Hisyarita Bt Abd Wahid dan En. Shahrulnizam Bin Bahari telah meraih tempat kedua dalam kategori *Strength* dan membawa pulang hadiah berjumlah RM750.

Pertandingan "11 International UTM Bridge Model, UTM Kampus Skudai, Johor baru pada 26 September 2019



PKS berjaya meraih 3 Anugerah Utama dalam pertandingan ini iaitu Johan "Most Creative Booth" dan tempat Ketiga untuk kategori "Creativity and Buildability Bridge Model".





PKS telah memenagi tempat ketiga dalam Kategori Maze Solver dalam Borneo International DROBOTEX 2019 pada 5-6 Oktober 2019 di BCCK.



Nazmi Nasseruddin Pelajar Semester 5, Diploma Geomatik, PKS memenangi Hadiah Utama dalam Independent Video Competition 'Sarawak': More To Discover Anjuran Sarawak Tourism Federation (STF) dengan Kerjasama Sarawak Tourism Board (STB).



Pasukan Petanque PKS memenangi 2 emas dan 1 gangsa di Polytechnic Petanque Tournament 2019.



Pasukan Handball POLIKU memenangi tempat kedua dan ketiga di UNIMAS Open Handball Championship 2019 pada 3 September 2019.

Festival Seni Selat Melaka pada 19-20 Oktober 2019



Penyertaan PKS berjaya mendapat tempat Saguhati bagi kategori Nyanyian Dondang Sayang & Lukisan Potret Tokoh Tun Fatimah.

PEMERKASAAN PENGURUSAN

PENGURUSAN KEWANGAN TAHUN 2019

Pada tahun 2019, PKS telah menerima peruntukan sebanyak RM 42,491,154.21. Daripada peruntukan tersebut sebanyak RM 42,476,694.66 (99.97 %) telah dibelanjakan. Perbelanjaan adalah merangkumi perbelanjaan operasi dan pembangunan pelajar. Jadual dibawah menunjukkan peruntukan yang diterima dan perbelanjaan bagi tahun 2019.

	Peruntukan Diterima (RM)	Jumlah Perbelanjaan (RM)	Peratus Perbelanjaan (%)
10000	37,154,095.80	37,151,838.75	99.97%
20000	5,017,643.41	5,005,440.01	
30000	15,900.00	15,900.00	
40000	303,515.00	303,515.90	
JUMLAH	42,491,154.21	42,476,694.66	

Jadual: Peruntukan kewangan diterima dan jumlah dibelanjakan bagi Tahun 2019

AUDIT NAZIRAN KEWANGAN TAHUN 2019

Pengurusan kewangan adalah penting dalam urus tadbir sesebuah institusi. Bagi memastikan urusan kewangan dijalankan secara teratur maka pengauditan kewangan adalah satu mekanisma bagi memastikan ianya mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan. Sepanjang 2019, PKS telah diaudit oleh Jabatan Akauntan Negeri Sarawak pada 15 April 2019 berkaitan Naziran Gaji Januari hingga Disember 2013 dan pada 26 Jun 2019 pula, Jabatan Akauntan Negara Malaysia (BPAD JANM Putrajaya) telah mengaudit Pengurusan Rekod Kewangan dan Perakaunan. Kedua-dua audit mendapati PKS mematuhi peraturan yang ditetapkan.

PELAN TINDAKAN 2020 DAN PELAN STRATEGIK 2020-2025

PKS telah membangunkan Pelan Tindakan dan Pelan Strategik melalui 6 Teras Utama bagi memperkuatkan urus tadbir.



2 Bengkel telah dilaksanakan yang melibatkan Jawatankuasa Pengurusan PKS.



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

Sijil Penghargaan

JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada

POLITEKNIK KUCHING

kerana berjaya memperoleh tahap

CEMERLANG

(100%)

dalam pencapaian

Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Institusi Bagi Tahun 2019

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Naim Jn".

Ts. Dr. Mohammad Naim bin Yaakub

Ketua Pengarah

Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

Syabas dan tahniah ke atas warga PKS di atas pencapaian 100% petunjuk prestasi utama bagi tahun 2019

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) 2018 (POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI ZON SARAWAK)

Pada 29 April 2019 berlangsung Majlis APC 2018 JPPKK, KPM, Zon Sarawak di Dewan Jubli Perak, PKS. Majlis tersebut disempurnakan oleh Puan Noraidah Binti Abdullah, Pengarah BKP, JPPKK. Seramai 85 kakitangan pelbagai kategori dianugerahkan Perkhidmatan Cemerlang (APC 2018).



Senarai Penerima APC PKS 2018

Senarai Penerima APC 2018 JPPKK, KPM Zon Sarawak		
1	Kakitangan PKS	38
2	Kakitangan PMU	28
3	Kakitangan PMBS	5
4	Kakitangan KK Mas Gading	3
5	Kakitangan KK Sarikei	2
6	Kakitangan KK Santubong	4
7	Kakitangan KK Betong	2
8	Kakitangan KK Miri	2
9	Kakitangan KK Kuching	1
	Jumlah	85



SENARAI NAMA PEGAWAI CONTOH TAHUN 2019 PKS

PKS mempunyai seramai 367 orang staf akademik dan 106 orang staf bukan akademik (12 orang Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) dan 3 orang Cuti Tanpa Gaji). Sumbangan dan kecemerlangan setiap kakitangannya dihargai melalui Anugerah Pegawai Contoh Bulanan pada setiap Majlis Perhimpunan Bulanan Staf. Berikut merupakan senarai penerima Pegawai Contoh Bulanan bagi tempoh Januari – Disember 2019:

BIL	BULAN	NAMA PEGAWAI	GRED	JABATAN / UNIT
1	JANUARI	BIBIE ANAK NEO	DH44	JPA
		SITI ZALEHA BINTI IDRIS	DH44	JP
		JOSEPHINE ENID ANAK TEDY ROBIN	N29	PENTADBIRAN
2	FEBRUARI	HERASUHANTI BINTI HERMAN	DH44	JTMK
		JENNIECIA IRDRIANNIE ANAK ALLAY	DH41	JHEP
		AWANG AHMAD BIN AWANG HAIRI	N14	JHEP
3	MAC	AZURAHANI BINTI BAHARI	DH48	JMSK
		SURYA ADLIZA BINTI ABDUL KADIR	DH44	JPA
		YUNUS BIN WAHAB	JA29	UPS
4	APRIL	SUMBANG ANAK MANDAW	DH44	JKA
		KHAIRANI BINTI KAHARUDDIN	DH41	UJK
		IMELDA BINTI BIDING	N19	UPEP
		MAS SAFRINA BINTI MASROL	N19	UKK
5	MEI	ZAINI BIN SULAIMAN	DH44	JKE
		FATIMAH BINTI LEMAN	DH41	UPEP
		FUZIDAH BINTI AWANG ZULKIFLI	W22	KEWANGAN
6	JUN	SURIANA BINTI ISMAIL	DH44	JKPK
		NUR ZULEIKHA BINTI ZAKARIA	DH41	JP
		MOHAMAD HAIZIRRUL BIN ABDUL WAHAB	N11	PENTADBIRAN

7	JULAI	LENNY KOLINA MAJALIS	DH48	UJK / JTMK
		NUUR MAISYA BINTI MAZNI	DH44	JMSK
		VIVIANA ANAK DAUD	N19	ULPL
8	OGOS	WONG CHUN FONG	DH44	JKM
		MOHD AZAHAR BIN JANTAN	DH44	JPA
		JOCELYN ANAK MEDOI	JA29	UPS
9	SEPTEMBER	AZARINA BINTI AZMAN	DH44	JKE
		LEDIA ANAK ANGUL	DH44	JKA
		HAFIZAH BINTI NAIHI	DH41	JKPK
		AJIS BIN SAPALI	C22	JKPK
		SURYANTI BINTI SIDEK	N22	PENTADBIRAN
10	OKTOBER	ZA'ABA HELMI BIN KHAMISAN	DH44	JKM
		MUSLEHAH BINTI SAINI	DH44	JP
		MOHD NASIRUDDIN BIN BADROL ZAMAN	DH41	ULPL
		BUJANG @ ZAIDI BIN SUHAILI	N14	PENTADBIRAN
11	NOVEMBER	AZLINA BINTI MORSHIDI	DH44	JMSK
		SURAFAH BINTI MOS	DH44	JTMK
		REDZUAN SAFRI BIN ABDUL RAHMAN	DH44	JKA
		JAMILAH BINTI SERUJI	W22	PENTADBIRAN
12	DISEMBER	ROSNIZA BINTI RAMLI	DH44	JKE
		ZURAIN BINTI NAWAWI	DH41	JKPK
		JAMALIA BINTI ISA	JA29	UPS

Staf Akademik

Staf Sokongan Akademik

PROGRAM PEMBANGUNAN BAKAT

Pencapaian dalam Program Pembangunan Bakat melalui Latihan untuk tahun 2019 telah menunjukkan pencapaian 100 % kehadiran untuk bilangan 5 hari berkursus untuk semua staf yang seramai 459 orang berdasarkan kepada KPI yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk tahun semasa. Seramai 342 orang bersamaan 74 % staf telah berjaya mengikuti latihan/kursus melebihi daripada 10 hari. Ini memberikan gambaran komitmen yang tinggi dan sokongan oleh pihak Pengurusan PKS dalam usaha untuk memastikan semua staf diberikan peluang dan ruang untuk mempertingkatkan pengetahuan dan ilmu berdasarkan kepada bidang yang diceburi.

LAPORAN PRESTASI PROGRAM LATIHAN MENGIKUT TAHUN DAN JABATAN

Sila Pilih Bahagian/Agensi/Institusi :

POLITEKNIK KUCHING ▼

Sila Pilih Tahun :

2019 ▼

BILANGAN HARI BERKURSUS MENGIKUT TAHUN 2019

Bil. Nama Institusi/Jabatan/Bahagian	Bilangan Hari Berkursus												JUMLAH
	>=10	9	8	7	6	5	4	3	2	1	0		
1 UNIT PSIKOLOGI DAN KERJAYA	1	1	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	3
2 UNIT PEMBANGUNAN DAN SENGGARAAN	4	5	0	0	3	1	0	0	0	0	0	0	13
3 UNIT KUALITI DAN DOKUMENTASI	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1
4 UNIT PERPUSTAKAAN	6	0	1	1	0	0	0	0	0	0	0	0	8
5 UNIT SUKAN DAN KOKURIKULUM	1	0	1	0	1	1	0	0	0	0	0	0	4
6 JABATAN MATEMATIK, SAINS DAN KOMPUTER	23	2	2	1	2	1	0	0	0	0	0	0	31
7 UNIT PERHUBUNGAN DAN LATIHAN INDUSTRI	2	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	3
8 UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT	4	0	1	1	2	1	0	0	0	0	0	0	9
9 JABATAN KEJURUTERAAN PETROKIMIA	20	0	2	0	2	1	0	0	0	0	0	0	25
10 JABATAN KEJURUTERAAN AWAM	56	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	57
11 HAL EHWAL PELAJAR	3	0	0	1	0	2	0	0	0	0	0	0	6
12 JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK	34	3	3	1	1	0	0	0	0	0	0	0	42
13 JABATAN PENGAJIAN AM	29	2	1	2	1	0	0	0	0	0	0	0	35
14 JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL	67	2	0	3	2	0	0	0	0	0	0	0	74
15 JABATAN PERDAGANGAN	28	5	4	2	4	0	0	0	0	0	0	0	43
16 JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI	35	1	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	37
17 UNIT PENTADBIRAN POLITEKNIK	14	2	8	7	6	7	0	0	0	0	1	1	45
18 UNIT LATIHAN DAN PENDIDIKAN LANJUTAN	2	0	1	0	0	1	0	0	0	0	0	0	4
19 UNIT MULTIMEDIA DAN SUMBER	2	2	2	0	0	1	0	0	0	0	0	0	7
20 KAMSIS	5	1	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	7
21 UNIT PEPERIKSAAN	5	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	5

JUMLAH JABATAN/UNIT: 21

Kembali

JADUAL BIL. PENGANJURAN KURSUS/LATIHAN MENGIKUT KATEGORI BAGI TAHUN 2019

Bil.	Bidang Utama Kursus	Kehadiran (Bilangan)
1	KEWANGAN	50
2	PEMBANGUNAN DIRI	226
3	PENTADBIRAN/ PENGURUSAN	285
4	TEKNIKAL	333
5	TEKNOLOGI MAKLUMAT	117
	JUMLAH	1011

Pada tahun 2019, PKS telah berjaya menghantar seramai 14 orang Pegawai (PPPT) untuk mengikuti Program Sangkutan Industri Pensyarah (SIP) dan Latihan Sangkutan Industri (LSI) dalam tempoh 1 hingga 3 bulan oleh pihak Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti. Program ini bertujuan untuk merapatkan jurang pengetahuan pensyarah dan amalan baik industri. Mereka ini adalah terdiri daripada pensyarah JKM, JTMK, JMSK dan JP.

BIL	JABATAN	PROGRAM SANGKUTAN INDUSTRI PENSYARAH (SIP) JPPKK, KPM (ORG)
1	JKM	1
2	JKE	-
3	JKA	-
4	JKPK	-
5	JTMK	3
6	JMSK	1
7	JP	1
8	JPA	-

Jadual syarikat yang terlibat bagi Program SIP dan LSI.

BIL	SEWARAI SYARIKAT YANG TERLIBAT
1	FRIENDLY PC HOME , Lot 2065, Jalan Rickets, Limbang 98700, Sarawak.
2	SKY BORNEO SOLUTION SDN. BHD. , D471, Tingkat 3, Blok D, Icom Square Jalan Pending, Kuching 93100, Sarawak.
3	ONE HEART PRINTING SDN. BHD. , 34G, Jalan SM2, Sunway Batu Caves 68100, Selangor.
4	HONDA VIMAL AUTO-LINER SDN. BHD. , Honda Vimal Auto-Liner Sdn Bhd, Jalan Pegawai, Pusat Bandar Kangar 01000, Perlis.
5	TAS SOLUTIONS ENTERPRISE , No 39-1, Jalan Timur 6/2C, Timur @ Enstek, Bandar Enstek, Nilai 71760, Negeri Sembilan.
6	CREATIVEWORKS TECHNOLOGIES , Ground floor, Lot 11136 Section 64 KTLD, Jalan Pending (City Square Phase 2), 93450 Kuching, Sarawak.
7	EDEN ATELIER SDN. BHD. , Lot 3921, Jalan Tun Razak, P.O.Box 1693, 93734 Kuching, Sarawak.
8	GEOMATICS SURVEY CONSULTANTS , 1st & 3rd Floor, Sublot No. 1, Lot 417, Section 5, KTLD, Jalan Kulias, 93400 Kuching, Sarawak.
9	GEARWORKS TECHNOLOGIES SDN. BHD. , 2nd Floor, Sublot 63, Lorong Metrocity Height 3D, Jalan Matang, 93050 Kuching, Sarawak.
10	FORMIS NETWORK SERVICES SDN. BHD. , 6th floor Menara SMI, Lorong P. Ramli, 50250 Kuala Lumpur.

LAPORAN TAHUNAN JAWATANKUASA EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA) PKS TAHUN 2019

Sepanjang tahun 2019, Jawatankuasa EKSA telah melaksanakan aktiviti seperti mesyuarat JK audit dalaman dan beberapa siri kursus EKSA. Pada 14 hingga 15 Februari PKS telah menerima lawatan penanda aras EKSA dari Politeknik Kota Kinabalu (PKK). Lawatan tersebut telah disertai oleh 5 orang pegawai yang terdiri daripada Penyelaras EKSA, Setiausaha dan Ketua Zon. Encik Chow Tio Kong TPA, PKS turut hadir bersama Puan Lenny Kolina Bt.Majalis (KUJK) dan En Ahmady Bin Solong (KUPS). Sepanjang sesi lawatan, kedua-dua Politeknik saling berkongsi pengalaman dan pengetahuan berkaitan dengan pengurusan dan pelaksanaan EKSA.



Encik Chow Tio Kong (8 kanan) bersama rombongan JK EKSA PKK.



Encik Chow Tio Kiong menyertai sesi perkongsian ilmu.

Gotong Royong Perdana, Reka Tong Sampah Kreatif, Pertandingan Video Etika (khas untuk pelajar) dan Audit Dalaman pada 19 September 2019



Pemenang Zon Terbaik EKSA: JTMK



Mesyuarat Audit Dalaman



Bengkel ini bertujuan menyemak semula selain menambahbaik dokumen Garis Panduan EKSA PKS. Bengkel Pengurusan Fail turut dilaksanakan dengan bantuan oleh Pn.Farhana Rakow Abdullah.



PEMERKASAAN PELAJAR MELALUI KURIKULUM BERSAMA INDUSTRI

Proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dan efektif adalah aspek penting dalam proses membangunkan modal insan untuk meningkatkan bakat, kemahiran, kekreatifan dan semangat bangsa. Sejajar dengan visi dan misi PKS serta objektif pengajaran dan pembelajaran iaitu menghasilkan pelajar yang fokus kepada penguasaan dalam bidang yang dicebur dan kemahiran serta mengukuhkan pembentukan kemahiran insaniah. Di samping mempunyai kemahiran kepimpinan dan kerja berpasukan.

Sehubungan itu, pelbagai program dan aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan bersesuaian dengan hasil pembelajaran politeknik adalah melalui Program Pensyarah Pelawat Industri. Pihak industri bersetuju untuk berkerjasama melibatkan diri dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran. Berikut adalah program-program pelajar bersama industri yang dilaksanakan di dalam dan luar kampus.

Program Job Hunting Skill Bersama MME Sdn. Bhd. pada 29 Mac 2019



Kursus Green Technology & Building Planning Bersama Jurutera Boon Jee Nyan dari Construction Sdn. Bhd. pada 5 April 2019




Project Management bersama Encik Hassan Samian dari Lebuhraya Borneo Utara Sdn. Bhd. berlangsung di Politeknik Kuching Sarawak pada 31 Januari 2019



Green Technology & Building Planning Bersama Encik Sani Zamshuri Bin Bujang daripada Lebuhraya Borneo Utara Sdn Bhd. pada 30 Ogos 2019



Nurturing Critical & Creative Thinking Through The Introduction Of Arduino Mini Projects pada 19 Februari 2019 dan 19 Julai 2019 bersama Encik Nigel Sim Boon Wei dari Syarikat Chumbaka Kuching



Ventilation System & Air Conditioning System bersama Encik Dennis Lim, Pengurus Pemasaran daripada Syarikat Kurvent Industries (M) Sdn. Bhd.



Bengkel Penggunaan GNSS, PCL & GPR Dalam Utility Mapping Bersama Perunding Survei TS pada 14 Februari 2019



CSR Brickwork & Concrete Laboratory pada 16 Mac 2019 dan 30-31 Mac 2019



Penilaian Projek Akhir Pelajar oleh Pakar Industri berkaitan




Bengkel Penggunaan Alat GNSS Dalam Geodesi dengan Kerjasama Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia Cawangan Sarawak JUPEM pada 14 Mac 2019



Pertandingan Civil Engineering Skills 2019 diadakan pada 19 Mac 2019

Seramai 75 orang pelajar dan 24 orang pensyarah dari JKA serta seorang pensyarah JMSK telah terlibat di dalam program ini.



Pelajar sedang menjalankan Bricklaying & Decorative painting.



Pelajar sedang melakukan Cabinet Making & Joinery.



Program Penilaian Kompetensi Kemahiran Bagi Pelajar Program Diploma Kejuruteraan Perkhidmatan Bangunan Di ABM, CIDB pada 13- 17 Ogos 2019



Pelajar menjalankan kerja pemasangan paip, jubin serta menyusun konkrit.

PPI Pelawat Industri dari Sarawak Energy Berhad (SEB) di PKS pada 12 September 2019



Kumpulan Pelajar mengambil gambar bersama Jurutera SEB.


Lawatan Akademik Ke Telekom Malaysia Berhad

Lawatan sambil belajar ke Telekom Malaysia Berhad ini melibatkan 20 orang pelajar program DDT dari JTMK, PKS pada 30 Ogos 2019 dan 30 orang pelajar dari JKE pada 24 September 2019.



Lawatan Sambil Belajar Ke NMO Sdn Bhd pada 11 Oktober 2019

NMO Sdn. Bhd. merupakan sebuah kilang yang dioperasikan oleh syarikat milik bumiputera yang menghasil perabot berasaskan besi. Encik Mohd. Marzwan Abd Rahman, Pengarah Operasi di NMO Sdn. Bhd. juga telah dijemput ke PKS untuk memberi taklimat berkaitan perlaksanaan projek kepada pelajar JKE.



Lawatan Akademik Pihak Berkuastra Penerangan Awam, Kuching



Pelajar sedang mendengar taklimat daripada Jurutera Syarikat AAT yang bertanggungjawab terhadap penyelenggaran Radar di Lapangan Udara

Kursus Pra Perkahwinan

Majlis Penutupan Kursus Pra Perkahwinan yang diadakan pada 3-4 Ogos 2019 bersama Pengarah PKS dan wakil Jabatan Agama Islam Negeri Sarawak. Kursus ini disertai seramai 133 orang pelajar PKS dan 48 peserta luar.



Poly's Voice 2019

Ia merupakan salah satu program anjuran bersama Bahagian Pembangunan Pelajar, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti dengan Politeknik Kuching Sarawak. Program berlangsung selama 4 hari bermula pada 24-27 Julai 2019 dan disertai oleh 39 orang pelajar daripada 28 Politeknik seluruh Malaysia.



Pemenang menerima hadiah masing masing.



Peserta daripada Politeknik Tunku Syed Sirajudin, Perlis telah merangkul Juara.



Peserta sedang mengadakan tugas dan temu ramah dokumentari di Kampung Budaya Sarawak.

PROGRAM HEP BERSAMA MPP 2019

Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) merupakan satu platform utama bagi pelajar untuk menyuarakan hak-hak dan idea yang melibatkan kebijakan mahasiswa. Ianya juga untuk melahirkan mahasiswa yang berkepimpinan dan berkualiti bagi meningkatkan imej Politeknik Kuching Sarawak (PKS). Selain itu ianya bagi membudayakan aktiviti bekerjasama dalam usaha membangunkan intelek dan kendiri mahasiswa dan membina dan memberi dorongan kepada setiap mahasiswa PKS dalam usaha menjadi peneraju institusi TVET yang unggul. Justeru ke arah memperkasakan Majlis Perwakilan Pelajar PKS sebagai peneraju utama badan kepimpinan yang berintegriti dan berkualiti yang bertaraf global, maka pelbagai aktiviti dan program dijalankan oleh MPP sepanjang tahun 2019, antaranya adalah seperti berikut:

Pilihanraya Kampus Majlis Perwakilan Pelajar 2019 yang diadakan pada 9 Januari 2019. Tujuannya adalah bagi memilih jawatan Kerusi Umum untuk membolehkan yang terpilih membentuk Majlis Perwakilan Pelajar bagi sesi 2018/2019 dan mereka yang terpilih menerima watikah pelantikan pada majlis yang telah diadakan pada 17 Januari 2019.



Calon yang terpilih berikrar dan menerima surat pentaulahan sebagai Perwakilan Pelajar bagi sesi 2018/2019 daripada En. Mohamad Khirudin Bin Amdan, Timbalan Pengarah Sokongan Akademik.

Sambutan Tahun Baru Cina “MPP Bersama Anda 2019” diadakan pada 6 Februari 2019 anjuran MPP dengan kerjasama Unit Kamsis JPKK dan Sekretariat Majlis Perwakilan Pelajar bersama pelajar Kolej Kediaman Kamsis Desa Serapi PKS. Sempena Majlis itu Angpau dan limau mandarin diagihkan kepada para pelajar yang hadir.



Suasana Proses Pilihanraya yang sedang dijalankan dan calon yang bertanding jawatan Kerusi Umum.

MPP Training & Leadership Course 2019 diadakan pada 14 Januari 2019 bertempat di Bilik Rekreasi Blok D Kamsis PKS dan Sumiran Eco Park, Kuching. Tujuan adalah bagi mendedahkan dan memberi input berkenaan pengurusan organisasi serta pengurusan aktiviti MPP serta mengasah kemahiran kepimpinan dan menjalin hubungan kerjasama dan ukhuwah yang erat di kalangan mereka.



Peserta yang mengambil bahagian sedang melakukan aktiviti dan sebelah kanan photo kenangan para peserta bersama Encik Chow Tio Kiong, Timbalan Pengarah Akademik (tengah).

Pelajar PKS yang hadir dan sebelah kanan KJHEP menyampaikan Angpau dan limau mandarin kepada pelajar.

PKSSmartLead3.02019 diadakan pada 15-17 Februari 2019 seramai 65 orang pelajar yang terdiri dari ahli-ahli kelab dan persatuan pelajar telah mengikuti program PKSSmart Lead 3.0 bertempat di PKS dan Permai Beach Resort. Tujuan ialah untuk mewujudkan hubungan kerjasama antara kelab dan persatuan serta MPP dalam menjayakan aktiviti pelajar di PKS di samping menghasilkan satu resolusi kerjasama di antara kelab dan persatuan di PKS.



Pelajar yang hadir Ujian Air Kencing Saringan Dadah dan kanan Pegawai ADK yang turut serta mengambil sampel air kencing.

Student Wellness Initiatives diadakan pada 20 Mac 2019 bertempat di Bilik Mesyuarat Kolej Kediaman dan Bilik Rekreasi Blok D Kamsis anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama Unit Kamsis PKS. Sempena program ini diadakan Ujian Air kencing Saringan Dadah yang dikendalikan oleh staf serta pegawai dari Agensi Anti Dadah Kebangsaan Cawangan Kuching. Tujuan program untuk mengelak pelajar PKS dari penyalahgunaan dadah serta sebagai langkah intervensi terhadap mereka yang terlibat.

Poliku Makeover 3.0 2019 diadakan pada 4 hingga 10 Mac 2019 di sekitar kampus PKS. Tujuan program ialah untuk menambah baik fasiliti di kawasan PKS demi keselesaan warga PKS. Dalam program ini mereka telah melaksana dan menghasilkan petak parkir pelajar OKU, pentas mini di Kafeteria PKS, membaik pulih kipas yang rosak di Kafeteria, mengecat semula dinding di Bilik Rekreasi Blok D Kamsis, Bilik Mesyuarat Kolej Kediaman, Bilik Gerakan MPP, membaik pulih gelanggang futsal di Blok Kolej Kediaman Perempuan A serta pemasangan siaran Astro di setiap bilik rekreasi blok kolej kediaman.



Pelajar sedang membuat pentas mini sedang menghasilkan petak parkir.



En.Chow Tio Kiong, Timbalan Pengarah Akademik (tengah) menyampaikan pek makanan kepada peserta.

Santapan Mesra Minda Intelek PKS diadakan pada 25 April 2019 bertempat di Dataran Jubli Perak. Tujuan untuk menyantuni kebajikan pelajar di PKS. Menerusi program anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar ini, telah diagihkan sebanyak 200 pek makanan percuma kepada pelajar PKS pada musim peperiksaan akhir PKS.



Pelajar Baharu PKS sesi Jun 2019.



Puan Jamaliah Binti Ahmad, Pengarah PKS (2 kiri) dan Pengurus SPR Datuk Azhar Azizan Harun (kiri) bersama tetamu jemputan.

Semarak Sayang Sarawak 2019 diadakan pada 22 Julai 2019 bertempat di Kafeteria PKS, bertujuan bagi meraikan Hari Sarawak serta menyuburkan semangat cintakan tanah air di kalangan pelajar PKS. Pengisian utama program adalah pertandingan karaoke patriotik dan tayangan filem patriotik tempatan “Kanang Anak Langkau”.



Jawatankuasa Pelajar Pusat Islam (JPPI) yang mengambil bahagian ibadah korban.



Sambutan Hari Kebangsaan PKS 2019: Sayangi Malaysiaku, Malaysia Bersih diadakan pada 31 Ogos 2019. Tujuan penganjuran program adalah untuk memperingati tarikh 31 Ogos sebagai ulang Tahun Hari Kebangsaan Malaysia serta bagi memupuk semangat cintakan Negara di kalangan pelajar PKS. Pada program ini telah diadakan pertandingan lintas hormat serta penyampaian hadiah kepada pemenang pertandingan Futsal Merdeka yang dan persembahan Tarian Kenegaraan oleh Kelab Kewaris.

Minggu Suai Kenal Jun 2019 diadakan pada 23-27 Jun 2019 bagi sesi Jun 2019. Tujuan program adalah untuk meraikan kedatangan 1188 orang pelajar baharu PKS bagi ambilan sesi Jun 2019 di samping memberi peluang kepada mereka untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran serta suasana pembelajaran di PKS. Turut diadakan pada program MSK kali ini adalah Pelancaran Program Pendidikan Pengundi oleh Akademi Pilihan Raya (APR) Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia (SPR) yang disempurnakan oleh Pengerusi SPR iaitu Datuk Azhar Azizan Harun.



Antara Pelajar PKS yang turut serta dan mengambil bahagian dalam program patriotik.

Hari Raya Aidiladha dan Ibadah Korban peringkat PKS 2019/1440H diadakan pada 11 Ogos 2019 dengan kerjasama Jawatan Kuasa Pelajar Pusat Islam (JPPI) bersempena sambutan Hari Raya Aidiladha dan Ibadah korban bersama-sama dengan pelajar serta staf yang tidak pulang bercuti. Sambutan Hari Raya Aidiladha telah diadakan pada 13 Ogos 2019 di perkarangan Pejabat Jabatan Sukan Kesenian dan Kebudayaan (JSKK).



Pelajar yang turut serta dalam perbarisan sempena Sambutan Hari Kebangsaan di padang bola sepak PKS.



Festival Kebudayaan Malaysia & Sambutan Hari Malaysia 2019 diadakan pada 13-16 September 2019. Tujuan adalah untuk memupuk minat dan bakat pelajar PKS dalam seni dan kebudayaan Malaysia di samping menyuburkan semangat patriotisme. Sepanjang program diadakan pertandingan “Battle of The Bands”, Peragaan Pakaian Traditional Malaysia dan Zumba Hari Malaysia. Majlis penutupan disempurnakan oleh ,Puan Jamaliah Binti Ahmad, Pengarah PKS dan beliau turut melancarkan kempen “Say No to Single Use Plastic” peringkat PKS.



Puan Jamaliah Binti Ahmad, Pengarah PKS (2 kiri) menyampaikan pek makanan percuma kepada pelajar.



Pelajar PKS yang mengambil bahagian sempena Festival Kebudayaan Malaysia dan sebelah kanan Pn.Jamaliah Binti Ahmad, Pengarah PKS melancarkan kempen “Say No to Single Use Plastic”.

ExamFreeFoodInitiative:PolywithYou2019 diadakan pada 30 Oktober 2019 bertempat di Dataran Jubli Perak dan Kafeteria PKS. Tujuan adalah bagi menyantuni kebajikan pelajar PKS terutamanya dari golongan berpendapatan isi rumah B40 pada musim peperiksaan akhir PKS. Menerusi program ini, makanan percuma diaghikhan kepada 736 orang pelajar.



Peserta terdiri daripada pelajar PKS yang mengambil bahagian dalam kursus yang diadakan.



Peserta terdiri daripada pelajar PKS yang mengambil bahagian dalam kursus yang diadakan.

Program Kasih Siswa 2019 diadakan pada 11 November 2019 bertempat di Mini Auditorium UIDM PKS, Jabatan HEP telah menganjurkan program Sesi Penyerahan Insentif Program Kasih Siswa PKS 2019. Program ini adalah kerjasama HEP dan pihak Pejabat Pembangunan Negeri Sarawak. Dalam program ini seramai 20 orang pelajar PKS telah menerima insentif sebanyak RM 200 setiap seorang. Penyerahan disempurnakan oleh Pengarah PKS, Puan Jamaliah Binti Ahmad serta Encik Awang Afferoz Bin Awang Marikan, Ketua Penolong Pengarah Seksyen Kesejahteraan Rakyat, dari Pejabat Pembangunan Negeri Sarawak.



Program Serahan Zakat Asnaf Bank Rakyat diadakan pada 18 Disember 2019 bertempat di Mini Auditorium UIDM PKS, Jabatan HEP telah mengadakan Program Serahan Zakat Asnaf Bank Rakyat. Menerusi program ini, pihak Bank Rakyat yang diwakili oleh Puan Sharvina Binti Sarbini telah menyerahkan Mock Cheque bernilai RM10,000 kepada Encik Chow Tio Kiong, Timbalan Pengarah Akademik PKS mewakili Pengarah PKS.

ALUMNI PKS

Hubungan rapat antara ALUMNI dan PKS diperkasakan dengan membuka ruang kerjasama yang lebih baik untuk kepentingan bersama PKS serta industri. Jaringan ini diteruskan melalui perkongsian maklumat dan pengalaman. Pelajar PKS berasa bertuah kerana mendapat tunjuk ajar dari ALUMNI yang terdiri daripada peneraju dalam industri masing-masing. Sumbangan dari ALUMNI dapat mengubah senario hala tuju dan tanggapan pelajar PKS khususnya dan PKS umumnya dalam usaha meneraju PKS ke arah Institusi TVET yang unggul.

PROGRAM SEMARAK BUDAYA POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI ZON SARAWAK



Corporate Sosial Responsibility

Program ini telah menghimpunkan seramai 62 orang yang terdiri daripada pensyarah, pelajar dan Alumni dari Politeknik dan Kolej Komuniti Zon Sarawak yang terdiri daripada PKS, PMU, PMBS, KK Kuching, KK Santubong, KK Mas Gading, KK Miri, KK Sarikei dan KK Betong yang mempunyai kemahiran berbeza.



Khidmat Bakti di SK Batu Lintang, Kuching.

To be Entrepreneurship & Competency

Penyertaan program ini adalah seramai 400 orang peserta yang terdiri daripada pelajar dan Alumni dari PKS, PMU, PMBS, KK Kuching, KK Santubong, KK Mas Gading, KK Miri, KK Sarikei dan KK Betong.



Sijil Kecekapan Kemahiran CIDB (SKK), Akademik Binaan Malaysia Sarawak
Penceramah: Mohd. Norkhairuddin Bin Jamil



Competency Supervisor
Penceramah: Ir. Kueh Kim Meow (B Eng. MIEM MBEM (PEPC), Senior Consultant



Program Gala Dinner Alumni Politeknik Malaysia telah diadakan pada 6 & 7 Mac 2019 di Dewan Aman Jaya Conventional Centre Casuarina Meru Ipoh, Perak.

PROJEK MEMBINA TAPAK KIOSK KEUSAHAWANAN DAN DATARAN PUSAT PELAJAR POLITEKNIK KUCHING SARAWAK

Projek Membina Tapak Kiosk Keusahawanan dan Dataran Pusat Pelajar PKS diadakan bermula dari 6 sehingga 28 Julai 2019 dengan kerjasama Kelab Jabatan Kejuruteraan Awam, Unit Pembangunan & Senggaraan (UPS), Yes! PKS, Persatuan Alumni PKS dan Unit Keusahawanan PKS.



PROGRAM ASPIRASI GAGASAN ALUMNI BERSAMA PELAJAR POLYCC ZON SARAWAK

Program Aspirasi Gagasan Alumni Bersama Pelajar PolyCC Zon Sarawak yang diadakan pada 23-24 Ogos 2019 ini merupakan satu medium kepada pembentukan asas kebolehpasaran dan peningkatan kualiti modal insan di kalangan pelajar Politeknik dan Kolej Komuniti Zon Sarawak. Program ini adalah di bawah anjuran Bahagian Ambilan & Pembangunan Pelajar, JPPKK dan PMU dengan kerjasama Politeknik dan Kolej Komuniti Zon Sarawak serta Persatuan Alumni PKS, Persatuan Alumni PMU, Persatuan Kolej Komuniti di Zon Sarawak. Program sebegini telah memberi peluang kepada semua pelajar dan Alumni untuk melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti dengan memfokuskan untuk mendapatkan pekerjaan dalam tempoh enam (6) bulan selepas tamat pengajian mereka.



Encik Shamsul Khairee Bin Jamaludin dari Jabatan Tenaga Kerja sedang memberi ceramah tentang kejayaan kepada para pelajar dan Alumni.



Pelajar dan Alumni berada di Dewan Sebanguna untuk sesi ceramah persediaan temuduga.



Alumni Politeknik memberi pengkongsian pengalaman semasa pelajar di politeknik.



Alumni Politeknik memberi pengkongsian pengalaman semasa pelajar di politeknik.



PROGRAM ALUMNI PROFESSIONAL TALK: THE BEST OF ALUMNI POLYCC ZON SARAWAK 2019

Program Alumni Professional Talk: The Best of Alumni Poly-CC Zon Sarawak 2019 yang diadakan 26 September 2019 ini merupakan satu program Alumni Politeknik dan Kolej Komuniti di Sarawak untuk menyokong dan sentiasa memberi sumbangan kepada institusi pengajian mereka sebagai satu usaha bagi membangunkan institusi Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional Malaysia (TVET) ini. Program ini adalah anjuran bersama Bahagian Ambilan & Pembangunan Pelajar, JPPKK, Politeknik & Kolej Komuniti Zon Sarawak dan Persatuan Alumni Politeknik & Kolej Komuniti Zon Sarawak.



PROMOSI DAN PAMERAN

Dalam usaha memperkenalkan PKS kepada masyarakat umum, khususnya lepasan sekolah menengah, pasukan promosi memainkan peranan yang penting dan turut mengadakan pameran untuk menyedarkan kepada orang ramai tentang peluang dan ruang yang terdapat di PKS khususnya berhubung dengan pendidikan teknikal iaitu TVET, dan secara tidak langsung bagi mempamerkan imej PKS, sehubungan itu, pelbagai program promosi dan pameran yang di sertai oleh MPP sepanjang tahun telah dijalankan seperti yang berikut :

Karnival Jom Masuk IPT Zon Sarawak 2019

Karnival Jom Masuk IPT Zon Sarawak 2019 pada 23 hingga 24 Mac bertempat di Mydin Hyper Mall Petra Jaya, PKS juga turut serta dalam pelbagai program bersama-sama dengan pihak Kolej Komuniti Zon Sarawak.



Pengunjung yang datang di reruai Pameran PKS



Foto kenangan bersama PKS dan Pelajar

Jelajah Pendidikan Kementerian Pendidikan (KPM) 2019

PKS telah mengambil bahagian dalam program ini pada 19 Oktober 2019 yang bertempat di Mydin Petra Jaya, Kuching. Majlis ini disempurnakan oleh YBhg. Dato' Dr. Mohd Gazali Abas, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia.



Petugas terdiri daripada MPP dan Staff PKS di reruai PKS.



Pegawai Promosi mengedarkan risalah kepada pengunjung



Pengunjung yang hadir di reruai PKS.

Program Jelajah Outreach Pan Borneo Study @ Poly

PKS telah turut serta di dalam Program Jelajah Outreach Pan Borneo Study @ Poly di Sri Aman pada 26 April hingga 04 Mei di 7 buah sekolah di Sri Aman, Betong dan Saratok, PMBS, KK Kuching, KK Mas Gading dan KK Santubong turut berganding baju untuk menjayakan program ini. Tujuan adalah untuk mempromosikan peluang pendidikan tinggi di Politeknik dan Kolej Komuniti. Program Randau & Berambeh Majlis Perwakilan Pelajar turut diadakan di mana telah diadakan sesi perjumpaan penanda aras dan silang idea antara MPP Politeknik dan Kolej Komuniti yang terlibat berlangsung.



YBhg. Dato Dr. Mohd Gazali Abas mendengar penerangan daripada KJHEP.



Petugas Promosi & Pameran di reruai PKS.

Karnival World Skill Zon Sarawak 2019

Karnival Kerjaya World Skills Malaysia Sarawak 2019 telah diadakan pada 12 hingga 14 September 2019 bertempat di BCCK, Kuching Sarawak.

ANUGERAH KUALITI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SARAWAK

Anugerah Kualiti Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (AKPANS) melibatkan Anugerah Ketua Menteri Sarawak yang dibuat sekali dalam tempoh 2 tahun termasuk anugerah-anugerah lain seperti Perfomance Team (AHPT), Anugerah Kecemerlangan Penguasaan (AKP) dan Anugerah Pengurusan Pelanggan (APP) yang dinilai secara tahunan. Anugerah ini diadakan adalah untuk menilai pencapaian prestasi agensi dalam tahun sebelum dan semasa. Tahun 2019, PKS telah menyertai pertandingan bagi anugerah dalam kategori ‘High Perfomance Team’ (AHPT). Projek ini dijalankan oleh sekumpulan pelajar dan pensyarah PKS dengan kerjasama Jabatan Hutan Negeri Sarawak. Projek yang dipertandingan adalah bertajuk ‘Memperkasakan Jati diri anak Sarawak menyokong Pengelalan Ekosistem Negeri Sarawak’. PKS tersenarai dalam lapan finalist bagi kategori ‘High Perfomance Team’ (AHPT).



Lawatan Panel AKPANS 2019 diketuai oleh Encik Abdul Rahman Sebli Bin Sanusi, Pengarah Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri Jabatan Ketua Menteri Sarawak ke PKS dengan diiringi oleh Puan Jamaliah Binti Ahmad.

CENTRE OF TECHNOLOGY

Penubuhan Cot adalah bertujuan untuk penonjolan bidang tujuan bagi setiap Politeknik Malaysia dengan membudayakan perkhidmatan perundingan melalui perkongsian kepakaran, penyelidikan, inovasi serta pengajaran dan pembelajaran berkualiti. Di samping mempergiatkan kolaborasi bersama industri dan komuniti. Bidang tujuan Politeknik Kuching Sarawak adalah Diploma Kejuruteraan Proses (Petrokimia). Pada tahun 2019, Centre of Technology PKS telah mencapai 83% tahap pencapaian Centre of Technology institusi berbanding 44% Petunjuk Prestasi Utama JPPKK melalui beberapa elemen seperti penyelidikan, inovasi, pengajaran dan pembelajaran, perkhidmatan kepakaran, kolaborasi, terbitan dan pengiktirafan.

Ringkasan Pencapaian Cot 2019.

Focus Element	Activity
1. RESEARCH AND INNOVATION (R & I)	
1.1 Evaluated Proposals	List of 10 project proposal 1. Production Of Coconut Husk and Catappa Leaves Powder to Neutralize Acid and Alkane Chemical waste 2. Pectin – Starch Based Jam From Chempedak 3. Detergent From Oryza Sativa (Paddy Husk) ASH 4. The Study Of Production Of Paper Pulp From Groundnut Shell 5. A Study of Water Hyacinth in Production Syrup 6. The Study Of Paper Production from Banana Fiber 7. Production Of Biodegradable straw From Cassava 8. The Study Of Ixora for Tea Production 9. Removal of Heavy Metal from Waste Water Using Citrus Reticulata (Orange Peel) 10. Study of Adhesive from Expandable Polystyrene Waste
1.2 Research/Innovation projects	3 completed projects/research 1. Production Of Biodegradable Straw From Cassava 2. Production Of Toothpaste From Areca Nut 3. Production Of G-Nap Biodiesel
1.3 Ongoing Research/Innovation Projects	3 Ongoing Projects 1. Fire Started From Polystyrene 2. Desulfurization From Diesel Oil by Using Oil Palm Empty Fruit Crunch 3. Skin Infection Treatment Liquid From Cocos Nuxifera Milk
2. TEACHING AND LEARNING (T & L)	
2.1 Development and utilization of Teaching and Learning Materials/Module	3 Teaching and Learning Materials/Module 1. Introduction of Basic Equipment in Petrochemical Plant by En Kalaiyarasu, En Azmi, En Yap 2. Platform CIDOS by Pn Khairulfadilah 3. Journey of Utility Plant (JoUP) by Pn Hafizah
2.2 Development and Utilization of Innovative Teaching and Learning Approach	Augmented Reality in Teaching and Learning Approach - Journey of Utility Plant (JoUP) by Pn Hafizah

3. EXPERT SERVICES (ES)	
3.1 Consultancy Series	<p>1. Consultation services for Sarawak Timber Industrial Development Cooperation (STIDC) on “Max-Zwagger” project.</p> <ul style="list-style-type: none"> i. First series on 21 March 2019 ii. Second series on 18 April 2019 iii. Third series on 14 May 2019 iv. Forth series on 29 July 2019 v. Fifth series on 20 August 2019 <p>2. Consultation services for Chemical Department of Malaysia, Negeri Sarawak on “Vial Cleaner 2.0” project.</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Second series on 18 February 2019. ii. Third series on 11 March 2019. iii. Forth series on 29 April 2019. iv. Fifth series on 15 May 2019. <p>3. Jury Panel for Inclusive Innovation Challenge (High Impact Program 6) 2019 for Sarawak Zone on 15-16 July 2019</p>
4. COLLABORATIONS	
4.1 Collaboration – Non Consultation	<p>1. Interaction Session by Petronas with JKPK’s students at PKS on 10 January 2019</p> <p>2. Site Visit to JKPK’s Laboratory and Mini Plant by Petronas, INSTEP & Sarawak Petchem Sdn Bhd on 19 Mac 2019</p> <p>3. Site Visit to Mini Plant by Petronas on 3 Mei 2019</p> <p>4. Technical Briefing & Job Interview by Lotte Chemical Titan at PKS on 29 April 2019</p>
4.2 Students Involvement/Attachment in the collaborating partners premises	<p>“Student Industrial Attachment” at</p> <p>(i) Lotte Chemical Titan: 3 person</p> <ul style="list-style-type: none"> 1. Collin Ak Greygory (05DPE16F1024) 2. Sapri Bin Saidil (05DPE16F1041) 3. Vui Yen Apau (05DPE10F1036) <p>(ii) Petronas: 1 person</p> <ul style="list-style-type: none"> 1. Norsyafiqah Binti Nasip (05DPE16F1067)
5. PUBLICATIONS	
5.1 Journals (5 points each published)	<p>1. Journal of Petrochemical Engineering Department : Volume 1 - Issue 1 - 2019</p> <p>2. Journal of Petrochemical Engineering Department : Volume 2 - Issue 1 - 2019</p>
5.2 Conference @ Seminar Proceedings (3 points each published)	<p>1. Green Technology and Petrochemical Mini Conference : December 2018 Session</p> <p>2. Green Technology and Petrochemical Mini Conference : June 2019 Session</p>
5.4 Books/Journals ISBN self-published (1 point each published)	<p>1. Analysis of produced bio-surfactant from waste cooking oil and pure coconut</p>
6. RECOGNITIONS	
6.1 International level (4 points each)	<p>MTE (Malaysia Technology Expo) Tapioca Peel - Gold Award</p>
6.2 National level (3 points each)	<p>Borneo Innovation</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) JoUP - Silver Award (ii) Up Reveals – Bronze Award <p>Cabaran Inovasi Inklusif anjuran Yayasan Inovasi Malaysia (YIM)</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Utilization of cassava peel as coagulant aid in tofu production – 2nd Place

7. INCOME

Program Bantuan Penajaan Pelatih VISTA PETRONAS (Sarawak-Suku Pertama 2019) - RM48000.
Program Penajaan Yuran Pengajian oleh Lotte Chemical Titan (M) Sdn Bhd - RM1000.
Cabaran Inovasi Inklusif 2019 Zon Sarawak – YIM
Utilization of cassava peel as coagulant aid in tofu production - 2nd place - RM3000.

Festival Projek & Inovasi PKS
1. Utilization of cassava peel as coagulant aid in tofu production (1st place) - RM240
2. Journey of Utility plant (1st place) - RM120.



Aktiviti yang dijalankan oleh CoT sepanjang tahun 2019.

SOROTAN KHAS

PENGARAH BAHARU PKS MELAPOR BERTUGAS DI PKS

Puan Jamiliah Binti Ahmad, Pengarah baharu PKS mula melapor bertugas pada 15 April 2019. Beliau mengantikan Encik Kamaludin Bin Daud yang berpindah ke Politeknik Kota Bharu Kelantan sebagai Pengarah PKBK.



MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN BAS

Pada 5 Disember 2019, PKS menerima sumbangan sebuah bas yang berkapsiti 44 orang penumpang daripada pihak Serba Dinamik Holdings Berhad. Majlis penyerahan bas tersebut telah disempurnakan oleh Pengarah Urusan merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Serba Dinamik Holdings Berhad selaku Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Politeknik Kuching Sarawak, Dato' Dr.Ir.Mohd. Abdul Karim Abdullah. Menurut Mohd. Abdul Karim, bantuan sumbangan bas tersebut adalah di antara satu daripada tanggungjawab sosial korporat (CSR) Serba Dinamik Holdings Berhad kepada PKS. Beliau berharap dengan ada nya bas tersebut dapat mengatasi masalah pengangkutan serta memberi keselesaan kepada para pelajar yang tinggal di luar kampus berulang alik datang ke kampus menuntut ilmu. Mohd. Abdul Karim selaku CEO PKS berharap dengan adanya bas tersebut, sekurang kurangnya ia dapat memberi motivasi kepada para pelajar hadir ke kuliah. Sempena Majlis tersebut, Mohd Abdul Karim berkata bahawa lebih 90 peratus siswazah PKS berjaya mendapat tempat dalam pasaran kerja kerana mempunyai daya tarikan dari aspek kemahiran berbanding institusi akademik lain. Ini kerana proses pembelajaran yang dilaksanakan di institusi kemahiran seperti PKS boleh menjadikan para graduan untuk menyesuaikan diri dalam industri dan mengelakkan mereka mengalami kejutan budaya sewaktu di alam pekerjaan. Oleh itu beliau berharap Politeknik dapat melahirkan generasi yang menyumbang kepada negara sejajar dengan matlamat negara yang mengimpikan industri Revolusi 4.0.



Dato' Dr.Ir.Mohd. Abdul Karim Abdullah (kiri) bersama Puan Jamiliah (kanan) memotong reben.



Dato' Dr.Ir.Mohd. Abdul Karim Abdullah (5 kanan) menyerahkan replika kunci Bas kepada Puan Jamiliah.



Dato' Dr.Ir.Mohd. Abdul Karim Abdullah bersama Puan Jamiliah dan tetamu kehormat menaiki Bas Tour.

KONVOKESYEN 2019

MAJLIS KONVOKESYEN PKS KE-27

Majlis Konvokesyen kali ini menyaksikan seramai 1,536 graduan PKS diraikan. Majlis diadakan sebanyak 4 sidang pada 7 & 8 Ogos 2019 di Dewan Jubli Perak PKS dan di antara tetamu kehormat yang hadir terdiri daripada:

Setiausaha Persekutuan Sarawak, Encik Mohd.Shahabudin Omar pada sidang pertama dan turut merasmikan Majlis Konvokesyen PKS Ke-27. Dalam ucapan perasmian, Shahbudin menyeru agar para graduan berupaya dan bersedia memperluaskan ilmu dan kemahiran dalam bidang mereka pelajari agar mereka mempunyai kelebihan daya saing daripada pihak lain yang turut merebut peluang-peluang pekerjaan dalam proses pembangunan negara serta menjadi penggerak daya maju dan daya saing negara dalam dunia yang semakin kompetitif.

Terdahulu daripada itu, Pengarah Kanan Akademik JPPKK, Puan Zainab Ahmad dalam kata aluan nya memaklumkan bahawa berdasarkan statistik kebolehpasaran, pelajar lulusan PKS tahun 2016 adalah 92.1 peratus dan ianya antara 9 Politeknik Malaysia yang tersenarai dalam akreditasi antarabangsa oleh APACC iaitu satu badan akreditasi yang sangat berprestij.

Majlis Konvokesyen PKS Ke-27 yang penuh gilang gemilang turut disempurnakan oleh Pengurus Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Tan Sri Dr. Khair Bin Mohamad Yusuf pada sidang kedua. Manakala sidang ketiga oleh Yang Amat Setia KPj.(PA) Datuk Roslan Bin Wahab, Ketua Pesuruhjaya Angkatan Pertahanan Awam Malaysia.

Manakala sidang ke empat telah disempurnakan oleh Naib Presiden Projek Khas Serba Dinamik Holdings Berhad Dr. Mohamed Ackiel Mohamed. Dalam ucapannya,beliau menyeru agar graduan PKS bersedia menerima peluang kerjaya yang relevan dengan revolusi industri 4.0 masa kini. Di samping itu, mereka harus menguasai kemahiran 4C iaitu Critical thinking and Problem Solving, Communication, Collaborative and Creativity bagi memenuhi kehendak pasaran pekerjaan masa kini. Sempena majlis itu, tetamu kehormat juga turut menyampaikan anugerah kepada beberapa graduan yang dianugerahkan sebagai penerima anugerah cemerlang mengikut beberapa kategori tertentu.



En.Mohd.Shahabudin Omar, (tengah) merakamkan gambar kenangan bersama Pn. Zainab Ahmad, Pengarah Kanan Akademik JPPKK (dua kiri) dan Pengarah PKS Pn. Jamaliah Binti Ahmad (dua kanan).



Simbolik Perasmian oleh En. Mohd.Shahabudin Omar dengan memukul gong serta diiringi oleh Pn. Zainab dan Pn. Jamaliah.



Anugerah Khas Industri : Mohd. Shahabuddin (lima kanan) merakamkan gambar kenangan bersama graduan pasangan kembar Abang Khairul Anwar Abang Majaya dan Abang Khairul Ridzuan Abang Majaya dan kedua ibubapanya.



Anugerah Pengarah: Mohd. Shahabuddin (dua kanan) Pn. Zainab (tiga kiri) dan Pn. Jamaliah (dua kiri) merakamkan gambar kenangan bersama graduan McGregor Māran Māmat dan kedua' ibu-bapa.



Yang Berbahagia Tan Sri Dr .Khair Bin Mohamad Yusuf, Pengurus Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (tengah) dan Pn. Jamaliah Ahmad (dua kiri) pada sidang kedua.



Tan Sri Dr.Khair Bin Mohamad Yusuf berucap sempena Majlis Konvokesyen PKS Ke-27 pada Sidang Ke-2.



Yang Amat Setia KPj.(PA) Datuk Roslan Bin Wahab (tiga kiri) bersama Pn. Jamaliah (dua kiri) merakamkan gambar kenangan sempena Majlis Konvokesyen PKS ke-27 pada sidang ke-3.



Yang Amat Setia KPj.(PA) Datuk Roslan Bin Wahab (tiga kiri) bersama Pn. Jamaliah (dua kiri) merakamkan gambar kenangan bersama penerima Anugerah Industri.



Dr. Mohamed Ackiel Mohamed (tengah) sempena Majlis Konvokesyen PKS Ke-27 pada sidang Ke-4.




Dr. Mohamed Ackiel Mohamed berucap di Majlis Konvokesyen PKS Ke-27 pada sidang ke-4.


STATISTIK KEMASUKAN & BERGRADUAT

STATISTIK KEMASUKAN


DEPARTMENT	PROGRAM CODE	DEC 2018	JUN 2019
CIVIL ENGINEERING		982	989
Dip. In Civil Engineering	DKA	626	629
Dip. In Building Services	DPB	165	182
Dip. In Geomatic	DGU	191	178
Dip. In Land Servayor	DUT	0	0
ELECTRICAL ENGINEERING		558	623
Dip. In Electric & Electronic Engineering	DEE	408	449
Dip. In Electronic Engineering (Communication)	DEP	150	174
MECHANICAL ENGINEERING		983	1051
Dip. In Mechanical Engineering (Automotive)	DAD	271	295
Dip. In Mechanical Engineering	DKM	528	558
Dip. In Mechanical Engineering (Air Conditioning & Refrigerator)	DPU	84	95
Dip. In Mechanical Engineering (Manufacturing)	DTP	100	103
COMMERCE		979	983
Dip. In Accountancy	DAT	453	447
Dip. In Business Study	DPM	526	536
PETROCHEMICAL ENGINEERING		296	340
Dip. In Petrochemical Engineering	DPE	296	340
INFORMATION & COMMUNICATION TECHNOLOGY		627	603
Dip. In Information Technology (Programming)	DIP	4	1
Dip. In Information Technology (Networking)	DNS	207	133
Dip. In Information Technology (Digital Technology)	DDT	416	469
PRE DIPLOMA		90	72
Pre Diploma (Science)	IPS	65	43
Pre Diploma (Commerce)	IPP	25	29
	TOTAL	4515	4661



STATISTIK BERGRADUAT



JUMLAH KESELURUHAN



SISIPAN

Lawatan pihak luar ke PKS sepanjang Tahun 2019.



Program Opening Young Eyes (OYE).



Lawatan SMK Murum, Belaga.



Pelajar Kolej Vokasional Kuching.



Pengetua, guru pengiring dan pelajar daripada SMK Tinjar, Baram.



Rombongan pelajar SMK Petra Jaya.



Pelajar Penan SRK Long Kevok, Baram.



Rombongan Penanda Aras APACC Politeknik Kota Bharu, Kelantan.



Rombongan Penanda Aras Program Diploma Teknologi Penyejukan dan Penyamanan Udara Kolej Vokasional Kudat, Sabah.

Lawatan Penilaian Lawatan Penilaian Akreditasi Program Diploma Kejuruteraan (ETAC) pada 2 Oktober 2019 bagi Program Diploma Kejuruteraan Automotif, Diploma Kejuruteraan Penyamanan Udara dan Penyejukbekuan serta Diploma Kejuruteraan Teknologi Pembuatan



Sesi temubual panel bersama pensyarah.



Sesi temubual panel bersama pelajar. 9 ahli panel ETAC dalam sesi Pembukaan Penilaian ETAC



Lawatan Penilaian Keserakanan Dan Kesepuanyaan dari JPPKK pada 12-13 Mac 2019

Seramai 14 orang dari semua bahagian di JPPKK telah terlibat untuk membuat penilaian terhadap PKS kali ini. Hasil penilaian ini didapati PKS telah mematuhi 6 kriteria utama penilaian dengan sedikit penambahbaikan yang disyorkan.



Sesi taklimat dan sesi pemeriksaan Penilaian Keserakanan Dan Kesepuanyaan. Taklimat disampaikan oleh Pengarah Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital, JPPKK, En. Noor Azizian Bin Itam.



Rombongan Penanda Aras Amalan Baik UITM Samarahan



PKS DI MEDIA

Sebahagian daripada keratan akhbar tempatan, nasional pelbagai Bahasa dan Media Elektronik.



Kejohanan Petanque & Tenpin Bowling di Utusan Sarawak.



Festival Projek & Inovasi Pelajar di Borneo Post.



Program Pendidikan Pengundi Bersama Politeknik Kuching Sarawak di TV1, RTM.



Majlis Penyerahan Watikah Perlantikan CEO @ POLYCC, Jawatankuasa Penasihat Industri & Felo Industri Politeknik Kuching Sarawak bagi tahun 2019-2020 di Borneo Post & BERNAMA News.



Poly's Voice 2019 di Utusan Sarawak.



Program Siswapreneur Showcase Borneo 2019 di Utusan Sarawak.



Majlis Penutupan Kenyalang Maping Kolaborasi bersama BOMBA Penyelamat di Borneo Post.



JUH Bincang di TV1, RTM.



Majlis Konvokesyen ke-27 Politeknik Kuching Sarawak di Borneo Post.



Graduan politeknik peneraju ke arah Revolusi Industri 4.0

Tarikh iemaskini: 06/12/2019



Polytechnic graduates considered pioneers in TVET sector

Last update: 05/12/2019



Majlis Penyerahan Bas Sumbangan Industri Serba Dinamik Holdings Berhad dan Majlis Penutupan MSK Pelajar Baharu Sesi Disember 2019 di Suara Sarawak, Utusan Sarawak dan Utusan Borneo.

PERJALANAN AKREDITASI ANTARABANGSA APACC

PERJALANAN AKREDITASI ANTARABANGSA APACC (ASIA PACIFIC ACCREDITATION AND CERTIFICATION COMMISSION) DI POLITEKNIK KUCHING SARAWAK.



Prof.Dato' Ts.Dr.Mohd Ismail bin Abd Aziz, mantan Ketua Pengarah JPPKK mengumumkan bahawa PKS akan menjalani audit APACC dalam Majlis Perhimpunan Staf bulan Januari 2018 bertempat di Dewan Jubli Perak.



Siri perbengkelan telah diadakan seperti In-Country Programme Quality Assurance in TVET through APACC Accreditation yang telah diadakan pada 23-27 April 2018. Program ini telah diadakan bagi memberikan pendedahan kepada peserta tentang Quality Assurance Manual APACC.



2 Pegawai PKS menghadiri APACC International Accreditors Refresher Training di Manila Filipina pada 4-5 Disember 2018.



PKS membentang setiap kriteria bagi menyelesaikan semua dokumen yang akan dihantar kepada pihak CPSC di Manila sebelum sesi Audit bermula.



Lawatan rombongan PUO.



Juruaudit dari POLIMAS.



Sesi Audit dan semakan dokumen daripada APACC PKB.



SIDANG REDAKSI

PENAUNG

Puan Jamaliah Binti Ahmad

PENASIHAT I

Encik Chow Tio Kiong

PENASIHAT II

Encik Mohamad Khirudin Bin Amdan

EDITOR

Encik Francis Bunchol Anak Lasam
Cik Wahidah Binti Anuar
Puan Caroline Ann Mai
Puan Khairani Binti Kaharuddin

SIDANG PENGARANG

Puan Nur Athirah Binti Azni
Puan Siti Zubaidah Binti Janudin
Puan Zainab Binti Mohammad Ahmad
Puan Bibie Anak Neo
Puan Azarina Binti Azman
Puan Noor Adziela Binti Mohamad
Puan Maslina Binti Buang
Puan Halimah Binti Robert
Puan Farah Binti Abdul Malek
Encik Mohd Saiful Bin Salleh
Puan Mulyani Binti Abdullah
Puan Ng Boon Ding
Encik Murtadha Bin Rafaai

JURU FOTO & PEREKA

TS. Petrus Julini Anak Goel
Encik Mohd Razaleigh Bin Saberin

POLITEKNIK KUCHING SARAWAK
Beg Berkunci 3094, KM22, Jln.Matang
93050 Kuching, Sarawak.
www.poliku.edu.my

tel : 082-845596 / 082-8455967 / 082-8455968
fax : 082 845 023



[politeknik.kuching.sarawak](#)



[politeknikkuchingsarawak](#)



[PoliteknikKuch1](#)

ISBN 978-967-0797-88-5

